

BAB 3

KAEDAH KAJIAN

3.1 KAEDAH TINJAUAN

Kaedah utama kajian ini ialah tinjauan atau *survey*. Kaedah ini digunakan untuk mengenal pasti amalan, persepsi dan pandangan pengamal-pengamal pendidikan di Sekolah Bestari terhadap penggunaan buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran. Tinjauan juga dilakukan ke atas para pelajar untuk melihat amalan dan persepsi mereka terhadap penggunaan buku teks dalam sesi pembelajaran.

Perbincangan dan temu bual juga turut diatur untuk mendapatkan maklumat mengenai buku teks daripada Pegawai Bahagian Buku Teks dan maklumat mengenai Sekolah Bestari daripada Pegawai Bahagian Rintis Sekolah Bestari, Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selain itu kajian ini menggunakan data-data sekunder yang diperoleh melalui kaedah kajian kepustakaan. Melalui kajian ini laporan-laporan dan hasil-hasil kajian lepas diteliti untuk mengenal pasti konsep Sekolah Bestari dan konsep buku teks.

3.2 INSTRUMEN SOAL SELIDIK

Dalam kajian tinjauan, borang soal selidik dirancang untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang persepsi, pandangan dan amalan guru-guru di Sekolah Bestari dalam penggunaan buku teks. Soalan soal selidik terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A berkisar tentang latar belakang guru. Soalan-soalan yang termuat dalam bahagian ini

antaranya mengenai umur, jantina, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar di Sekolah Bestari dan pengalaman mengajar mata pelajaran yang diajar, kursus pendidikan bestari yang pernah diikuti, dan tahap pendidikan profesional dan ikhtisas.

Manakala Bahagian B pula mengenai penggunaan buku teks iaitu kekerapan penggunaan buku teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tujuan dan sebab penggunaan buku teks, sebab-sebab guru tidak menggunakan buku teks, apakah bahan lain yang digunakan oleh guru untuk menggantikan buku teks, apakah terdapat kesesuaian antara bahan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan Telekom Smart School (TSS) dengan buku teks dan apakah masalah dalam menggunakan buku teks untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Soalan berkaitan penggunaan bahan perisian TSS juga dikemukakan dalam bahagian ini. (Sila rujuk instrumen 1)

Borang soal selidik yang dirangka oleh penyelidik untuk maklumat tentang amalan pelajar dalam penggunaan buku teks juga mempunyai dua bahagian. Bahagian A berkisar mengenai latar belakang pelajar. Antara soalan yang terdapat dalam bahagian ini adalah tentang jantina, umur, jenis kediaman, kediaman memiliki komputer dan internet atau tidak, dan soalan sama ada pelajar layak mendapat bantuan pinjaman buku teks atau tidak.

Manakala bahagian B pula mengenai penggunaan buku teks iaitu kekerapan pelajar membawa buku teks ke sekolah, sebab membawa buku tersebut, bila digunakan buku tersebut, tujuan dan sebab-sebab buku tersebut digunakan, kekerapan penggunaan buku

teks semasa proses pengajaran dan pembelajaran empat mata pelajaran yang dikaji, apakah bahan lain yang digunakan sebagai bahan rujukan untuk belajar, adakah bahan multimedia yang disediakan di sekolah benar-benar membantu anda dalam pelajaran dan apakah masalah yang anda hadapi apabila menggunakan buku teks. (Sila rujuk instrumen 2)

Perbincangan dan temu bual bersama guru-guru yang terpilih bertujuan untuk mendapatkan ulasan dan pendapat mereka mengenai buku teks dan penggunaannya secara lebih terperinci. Antara soalan yang diajukan adalah mengenai kekuatan dan kelemahan penggunaan buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran, cara menggalakkan penggunaan buku teks di kalangan guru dan cadangan guru untuk meningkatkan kualiti buku teks yang bermasalah. (Sila rujuk Instrumen 3)

Perbincangan dan temu bual dengan Pegawai dari Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia (BBT), berkisar mengenai usaha-usaha penerbitan buku teks bagi menggantikan buku teks yang terdapat di sekolah sekarang ini. Soalan-soalan yang dikemukakan antaranya adakah buku-buku tersebut dibuat dengan mengambil kira penggunaannya di Sekolah Bestari, kerana semua sekolah sekarang ini sedang giat menjalankan persiapan untuk menjadi Sekolah Bestari. Temu bual juga bertujuan untuk mengenal pasti sama ada BBT terlibat dengan usaha menerbitkan buku teks untuk Sekolah Bestari selain bertujuan untuk mengetahui perancangan masa depan BBT. (Sila rujuk Instrumen 4)

Perbincangan dan temu bual dengan Pegawai dari Bahagian Rintis Sekolah Bestari, Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (BTP), bertujuan untuk mendapatkan maklumat perkembangan projek Sekolah Bestari. Soalan-soalan yang dikemukakan berkaitan kekuatan, kelemahan dan perancangan masa depan Sekolah Bestari. (Sila rujuk Instrumen 5)

Soalan soal selidik untuk responden di kalangan guru dan pelajar mempunyai soalan-soalan tertutup dan soalan-soalan terbuka. Bagi soalan-soalan tertutup skala 'Likert' digunakan iaitu; 1 = untuk sangat setuju, 2 = setuju, 3 = tidak setuju dan 4 = sangat tidak setuju. Soalan-soalan soal selidik untuk responden pegawai-pegawai dari Bahagian Buku Teks dan pegawai-pegawai Bahagian Rintis Sekolah Bestari berbentuk soalan terbuka.

3.3 RESPONDEN KAJIAN

Soalan soal selidik disediakan untuk responden yang terdiri daripada para guru dan pelajar. Responden di kalangan guru terdiri daripada semua guru yang mengajar tingkatan dua mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik di empat buah sekolah yang terpilih untuk kajian

Soalan soal selidik responden daripada kalangan pelajar pula diambil daripada dua buah kelas setiap sekolah yang dipilih, iaitu lebih kurang 30 orang pelajar dalam satu kelas. Dianggarkan seramai 240 orang pelajar akan menjadi sampel kajian ini. Guru yang dipilih untuk temu bual adalah guru yang berpengalaman dalam mengajar mata pelajaran yang dipilih dan telah lama mengajar di Sekolah Bestari tersebut. Pilihan dibuat oleh

Guru Penyelia Tingkatan dua dengan dibantu Guru Panitia Pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains sekolah tersebut. Empat orang guru dipilih setiap sekolah iaitu seorang untuk mewakili satu mata pelajaran.

Pegawai dari Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia yang terlibat dengan temu bual ialah Puan Laila Bt Mohd Sabri. Soalan untuk temu bual dengan Pegawai Bahagian Buku Teks.

Manakala Cik Chan Poh Mei pula mewakili Pegawai Rintis Sekolah Bestari dari Unit Rintis Sekolah Bestari, Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memberikan maklumat mengenai perkembangan Sekolah Bestari

3.4 ANALISIS DATA

Penyelidikan ini menganalisis data yang dikumpul dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Method statistik yang digunakan untuk kajian ini ialah:

1. Statistik deskriptif seperti frekuensi, dan peratusan, digunakan untuk menganalisis kebanyakan pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini.
2. Kekerapan dan peratusan digunakan untuk mengetahui skor yang diperolehi dalam penggunaan buku teks mengikut mata pelajaran dan penggunaan buku teks mengikut sekolah.

3.5 SENARAI BUKU TEKS

Buku teks yang digunapakai di sekolah-sekolah yang dikaji adalah seperti dalam jadual di bawah.

Senarai buku teks tingkatan dua di Sek. Men. Victoria;

Bahasa Melayu:	Tiada
Bahasa Inggeris:	KBSM English Ting 2. Penerbitan Pustaka Yakin. Oleh Yeoh Sai Lee. Tahun penerbitan 1989.
Matematik:	KBSM Matematik Ting 2. Penerbitan Pustaka Sistem. Oleh Seak Keng Keow dan Abdul Razak Che Ngah. Tahun Penerbitan 1989.
Sains:	KBSM Sains Ting 2. Penerbitan Yakin. Oleh Yeoh Seng Cee, Kho Choon Hwe dan Abd Raof Md. Zain. Tahun Penerbitan 1990.

Senarai buku teks digunapakai di Sek. Men. Alam Shah;

Bahasa Melayu:	KBSM Bah. Malaysia Ting 2. Penerbitan Pustaka Sistem. Oleh Dr. Mashudi Kader dan Siti Zaharah Yop.
----------------	--

Bahasa Inggeris: Tiada

Matematik: KBSM Matematik Ting 2. Penerbitan Pustaka Sistem. Oleh Seak Keng Keow dan Abdul Razak Che Ngah. Tahun Penerbitan 1989.

Sains: KBSM Sains Ting 2. Penerbitan Yakin. Oleh Yeoh Seng Cee, Kho Choon Hwe dan Abd Raof Md. Zain. Tahun Penerbitan 1990.

Senarai buku teks digunapakai di Sek. Men.Sains Selangor;

Bahasa Melayu: KBSM Bah. Malaysia Ting 2, Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Oleh Nik Safiah Karim, Awang Sariyan dan lain-lain. Tahun Penerbitan 1988 cetakan terbaru 1989.

Bahasa Inggeris: KBSM English Ting 2. Penerbitan Federal Publication. Oleh Hayacinth Gaudart, Tahun Penerbitan 1989 cetakan terbaru 1991.

Matematik: KBSM Matematik Ting 2. Penerbitan Pelangi. Oleh The Eng Kiat, Chua Dee Eng dan Chua Chong Keow. Tahun Penerbitan 1989, cetakan terbaru 1993.

Sains: KBSM Sains Ting 2. Penerbitan Longman Malaysia. Oleh Lau Hut Yee dan Kamariah Abu Bakar. Tahun Penerbitan 1990, cetakan terbaru 2001.

Senarai buku teks digunapakai di Sek. Men. Kompleks Seri Bintang (Utara);

Bahasa Melayu: Tiada

Bahasa Inggeris: Tiada

Matematik: KBSM Matematik, Penerbitan Pelangi. Oleh Teh Eng Keat, Chua Dee Eng dan Chua Chong Keow. Tahun penerbitan 1989, cetakan terbaru 1993.

Sains: KBSM Sains Ting. 2, Penerbitan, Longman Malaysia. Oleh Lau Hut Yee dan Kamariah Abu Bakar. Tahun Penerbitan 1990, Cetakan terbaru 2001.

3.6 SENARAI KELENGKAPAN KOMPUTER

Senarai komputer setakat Jun 2002.

Sek Men Victoria.

1. Jumlah bilik atau makmal komputer: 4
2. Jumlah kelas yang dimuatkan komputer: -
3. Jumlah komputer dalam satu kelas: -
4. Jumlah komputer secara keseluruhan: 69 – untuk bestari, bilik p & p dan kelas IT

Sek Men Sains Selangor.

1. Jumlah bilik atau makmal komputer: 2
2. Jumlah kelas yang dimuatkan komputer: -
3. Jumlah komputer dalam satu kelas: -
4. Jumlah komputer secara keseluruhan: 35 – kelas bestari sahaja

Sek. Men Alam Shah

2. Jumlah bilik atau makmal komputer: 2
3. Jumlah kelas yang dimutkan komputer: 11
4. Jumlah komputer dalam satu kelas: 4 dan 1 *printer*
5. Jumlah komputer secara keseluruhan: 81- kelas bestari dan 60 – sekolah

Sek Men. Kompleks Seri Bintang (Utara).

1. Jumlah bilik atau makmal komputer: 2
2. Jumlah kelas yang dimuatkan komputer: 38

3. Jumlah komputer dalam satu kelas: 5 atau 6
4. Jumlah komputer secara keseluruhan: 370

3.7 KAJIAN RINTIS

Kajian rintis telah dijalankan di Sekolah Menengah Victoria. Kajian rintis ini telah berjalan dengan lancar. Sekolah ini juga turut dipilih untuk menjawab soalan soal selidik untuk kajian pengkaji seterusnya. Selepas kajian rintis pengkaji membuat tambahan soalan untuk mendapatkan latar belakang sekolah. Tiada perubahan soalan daripada instrumen 1 dan 2.

3.8 PROSEDUR KAJIAN

Sebelum kajian dibuat penyelidik perlu membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran bagi menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah mendapat kebenaran daripada EPRD barulah penyelidik memohon kebenaran membuat penyelidikan di sekolah-sekolah dipilih daripada Bahagian Pendaftar Sekolah dan Guru Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Setelah mendapat surat kebenaran daripada sini barulah penyelidik mendapatkan kebenaran daripada pengetua-petua sekolah yang dipilih untuk menjalankan kajian.